



Dr Mahathir mendengar penerangan daripada Za'im (kiri) ketika melawat Pavilion Malaysia pada Pameran Pelaburan ASEAN di Busan, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia mahu manfaat revolusi industri baharu

BH-26/11/2019 m/s: 2

PM gesa generasi muda dibentuk menerusi kaedah teknologi moden



Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebahagian daripada revolusi industri baharu.

Untuk menahirkannya, lebih ramai golongan sasar, terutama generasi muda perlu dididik serta dibentuk 'menerusi kaedah, strategi dan teknologi baharu'.

Perdana Menteri berkata demikian pada dialog Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ASEAN-Republik Korea (ROK) di sini, semalam.

"Ketika ini, memang kami ketinggalan, tetapi kami mahu bersaing untuk setara dengan negara lain.

"Kami ingin menjadi negara yang boleh menggunakan dan memanfaatkan teknologi moden," katanya pada majlis dihadiri sebahagian besar CEO mewakili syarikat di Korea Selatan.

"Sudah tentu Malaysia perlu mendapatkan teknologi baharu. Jika terus ketinggalan, mustahil kami dapat mengejar," katanya.

Sesi dialog bersama Dr Mahathir dikendalikan oleh Yoon Sung Woon daripada firma run-

dingan pengurusan, Bain and Company.

Rakan kongsi tempatan firma itu menumpukan soalnya terhadap perubahan dasar yang dilaksanakan Kerajaan Pakatan Harapan (PH), di samping pelan transformasi Malaysia.

Berdasarkan Indeks Inovasi Tahun Bloomberg 2019, Korea Selatan dinamakan sebagai ekonomi paling inovatif dan Malaysia berhasrat mendapat manfaat daripada pengalamannya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia kekal bersikap mesra pelabur, manakala beberapa dasar lama berkaitan pelaburan dan perdagangan masih relevan hingga kini.

"Kami adalah kerajaan baharu yang diterajui pemimpin lama," katanya sambil disambut gelak tawa hadirin yang memenuhi dewan.

Apa yang berbeza, kata Perdana Menteri, adalah ketegasan

kerajaan menentang rasuah dan percanggahan dari segi pengurusan kewangan.

"Tidak banyak yang berubah dari sudut pelabur asing. Kami kekal mesra pelabur," katanya.

Sesi dialog CEO anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Korea itu, diadakan sempena Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-ROK selama dua hari yang bermula semalam dengan majlis makan malam pemimpin.

Perdana Menteri kemudian melawat Pavilion Malaysia pada Pameran Pelaburan ASEAN di Pusat Konvensyen dan Pameran Busan yang turut menjadi lokasi sidang kemuncak berkenaan.

Antara yang memberi penerangan kepada Dr Mahathir ialah peserta Malaysia, Usaha Strategik Sdn Bhd (USSB), yang menghasilkan penabur biomas diperbuat daripada tandan kosong buah kelapa sawit.

Pengarah Eksekutif USSB, Za'im Hadi Meskam, berkata Perdana Menteri berminat mengetahui bagaimana syarikat tempatan berupaya menghasilkan produk itu.

Awalnya, USSB bekerjasama dengan sebuah syarikat Jerman bagi mempelajari teknologi menghasilkan penabur tenaga daripada sisa biologi, tetapi kemudian beralih kepada rakan kongsi teknologi dari China.

"Kira-kira 60 peratus teknologi dibangunkan dalam negara dan produk kami kini digunakan oleh syarikat mengendalikan dandang perindustrian di Johor," katanya.

Sepanjang pameran itu, Za'im berkata, produk keluaran syarikatnya turut menarik perhatian wakil dari India dan Myanmar.

Ketika ini, memang kami ketinggalan, tetapi kami mahu bersaing untuk setara dengan negara lain. Kami ingin menjadi negara yang boleh menggunakan dan memanfaatkan teknologi moden.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri